



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 NOVEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 22 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,628 kes** (2,493,437 kes kumulatif, 96.2%);
- Kes baharu : **4,885 kes** (2,591,486 kes kumulatif);
- Kes import : **18 kes** (15 warganegara; 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,867 kes** [4,732 warganegara (97.2%); 135 bukan warganegara (2.8%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **549 kes** (437 kes disahkan COVID-19 ; 112 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **274 kes** (184 kes disahkan COVID-19 ; 90 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,888 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **7 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,655 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **233 kluster**.

Daripada **4,885 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **91 kes (1.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,794 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-46)

Sehingga 20 November 2021 [Minggu Epidemiologi (ME) ke-46], sebanyak **2,581,747 kes kumulatif** COVID-19 telah dilaporkan dengan **69,485 kes aktif** dan **29,978 kes kumulatif kematian**. Kebanyakan indikator utama jangkitan COVID-19 menunjukkan **tren penurunan** kecuali purata kes aktif yang meningkat enam (6) peratus berbanding ME ke-45. Tren penurunan purata kes aktif yang dulunya konsisten selama 10 minggu kini telah menunjukkan peningkatan semula selepas lima (5) minggu kebenaran merentas negeri diumumkan. Kesan peningkatan kes baharu dan kes aktif selama dua (2) minggu berturut-turut ini dapat dilihat di mana kemasukan kes ke fasiliti kesihatan terutamanya bagi pesakit Kategori 3 – 5 mulai meningkat. Walaubagaimanapun, keberkesanan vaksin COVID-19 dalam mengurangkan kematian terus dapat dilihat di mana secara keseluruhannya terdapat penurunan kes kematian, kes yang memerlukan rawatan di ICU, dan kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan.


1. Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19

Pada ME ke-46 iaitu daripada **14 November 2021 sehingga 20 November 2021**;

- Purata kes aktif menunjukkan **peningkatan sebanyak 6.0 peratus** iaitu daripada 62,224 kes (ME ke-45) kepada 65,722 kes (ME ke-46).
- Kes kematian konsisten menunjukkan penurunan sebanyak 7.5 peratus dengan 347 kematian (ME ke-46) berbanding 375 kematian (ME ke-45).
- Purata kes yang memerlukan rawatan di ICU menunjukkan penurunan sebanyak 10 peratus iaitu 504 kes (ME ke-45) kepada 452 kes (ME ke-46).
- Purata kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan menunjukkan sedikit penurunan (3.3 peratus) dari 186 kes (ME ke-44) ke 179 kes (ME ke-45).
- **Nilai Rt menurun** sebanyak 0.8 peratus dari 1.05 (95% CI 1.05 - 1.06) kepada 1.01 (95% CI 1.00 – 1.02) sejak 15 November 2021.

INDIKATOR	ME ke-45 (7/11 - 13/11)	ME ke-46 (14/11 - 20/11)	Perbandingan ME 45/46 (%)
Kes Baharu	39,181	40,600	↑ 3.6
Kes Kematian	375	347	↓ -7.5
Penggunaan Katil ICU (Purata)	504	452	↓ -10.3
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	186	179	↓ - 3.8

Jadual 1 : Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-45 dan ME ke-46




Rajah 1 Purata Kes Aktif COVID-19 bagi tahun 2020 dan 2021

2. Kluster

Sehingga 20 November 2021, terdapat kumulatif 5,878 kluster telah dilaporkan dan hanya 240 kluster masih lagi aktif (penurunan sebanyak 13.7 peratus berbanding ME ke-45). Walau bagaimanapun, kewujudan kluster komuniti yang sebelum ini mencatatkan penurunan semenjak ME ke-30 kini mulai meningkat sedikit pada ME ke-46 selari dengan pembukaan sempadan negeri yang memudahkan masyarakat ziarah menziarahi sanak saudara.

Peningkatan kluster komuniti ini bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan memandangkan individu pelbagai lapisan umur hidup bersama dalam satu isi rumah yang sama. Manakala golongan berumur bawah 12 tahun adalah golongan yang belum menerima vaksin COVID-19 dan mempunyai keberangskalian tinggi untuk terkesan sekiranya dijangkiti COVID-19 daripada ahli keluarga mereka.













Rajah 2 Purata Kes Aktif COVID-19

Bagi mengelakkan penularan jangkitan dalam kalangan orang yang disayangi, disiplin yang tinggi daripada setiap individu terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak-anak berumur bawah 12 tahun amatlah diperlukan. **Perkukuhkan tindakan kesihatan sendiri** dengan mengamalkan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, and Seek*) bagi mendidik diri kita menjadi individu

yang bertanggungjawab dan melindungi orang-orang di sekeliling kita daripada risiko jangkitan.

Selain itu, sebanyak 78 kluster telah diisytiharkan tamat pada ME ke-46, lalu menjadikan penurunan sebanyak 22.4 peratus berbanding ME ke-45. Sebanyak 38 kluster telah dilaporkan pada ME ke-46 yang terdiri daripada (Jadual 2);

- **22 (57.9 peratus)** kluster tempat kerja;
- **Sembilan (9) (23.7 peratus)** kluster pusat pendidikan;
- **Lima (5) (13.1 peratus)** kluster komuniti;
- **Dua (2) (5.3 peratus)** kluster kumpulan berisiko tinggi;

	ME ke-45 (07/11 – 13/11)	ME ke-46 (14/11 – 20/11)	Perbandingan (ME ke 45/46) (%)
Kluster Aktif	278	240	 13.7
Kluster Tamat	98	76	 22.4
Kluster Baharu	41	38	 7.3
Kategori Kluster Baharu			
1. Tempat Kerja	24	22	 8.3
2. Institusi Pendidikan	11	9	 18.2
3. Komuniti	3	5	 66.7
4. Kumpulan Berisiko Tinggi	2	2	 0.0
5. Aktiviti Keagamaan	0	0	 0.0
6. Pusat Tahanan	1	0	 100.0
7. Import	0	0	 0.0


Jadual 2 : Jumlah Kluster Mengikut Kategori bagi ME ke - 45 dan ME ke - 46

3. Kapasiti Hospital

Kadar penggunaan fasiliti kesihatan (Katil Bukan ICU, Katil ICU, dan PKRC) didapati meningkat semula pada ME ke-46. Penggunaan katil bukan ICU di hospital dan PKRC telah mencatat kenaikan dua (2) peratus manakala katil ICU meningkat sebanyak tiga (3) peratus berbanding ME ke-45 seperti yang digambarkan pada Jadual 3. Peningkatan ini adalah selari dengan kenaikan purata kes aktif bagi ME ke-46.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti	Jumlah Penggunaan	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan 45/46 (%)
Katil Bukan ICU (Hospital)	14,391	5,751	40 %	↑ 2 %
Katil PKRC	21,908	8,141	37 %	↑ 2 %
Katil ICU	1,167	535	46 %	↑ 3 %
Alat Bantuan Pernafasan	2,854	1,100	39 %	↓ 1 %

Jadual 3 : Jumlah Penggunaan Fasiliti Kesihatan bagi ME ke - 45 dan ME ke - 46




Rajah 3: Peratus Pengisian Katil Fasiliti COVID-19 vs Kadar Vaksinasi (Kebangsaan)

Di peringkat kebangsaan pula, bilangan pesakit COVID-19 Kategori 3 - 5 yang dirawat di fasiliti kesihatan didapati meningkat terutamanya bagi golongan yang berumur 40 tahun ke atas mulai ME ke-44 seperti yang digambarkan di Rajah 3. Golongan 40 tahun ke atas termasuk dalam kategori golongan yang produktif dalam menjana semula ekonomi negara dan sekiranya peningkatan bilangan ini berterusan di minggu-minggu yang akan datang, ianya dilihat akan melambatkan usaha kerajaan dalam memakmurkan semula ekonomi di Malaysia.

Walaupun kebanyakan golongan tersebut telah lengkap divaksinasi mulai pertengahan tahun lalu, kajian terbaru mendapati keberkesanan vaksin akan menurun selepas

beberapa bulan, bergantung kepada jenis vaksin yang diambil. Oleh yang demikian, KKM menggesa individu yang mendapat tarikh janji temu dos penggalak vaksin COVID-19 untuk hadir bagi menerima suntikan tersebut.



Rajah 4




Selain itu, keberkesanan program vaksinasi remaja (PICK-A) yang telah meliputi 82.3 peratus populasi remaja Malaysia dilihat telah menunjukkan hasil yang bagus dalam melindungi golongan tersebut dari jangkitan COVID-19 yang lebih teruk (lihat garisan merah pada Rajah 4).

Aktiviti Penguatkuasaan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)







Setiap minggu, KKM sentiasa giat melakukan aktiviti penguatkuasaan pematuhan SOP di seluruh negeri. Pada ME ke-46, sebanyak 344 kompaun dikeluarkan kepada individu. Ini menjadikan peningkatan sebanyak 37 peratus berbanding minggu sebelumnya. Peningkatan kompaun yang dikeluarkan ini menunjukkan masih ramai penduduk Malaysia yang alpa terhadap pengamalan SOP sebagai pencegahan COVID-19 seterusnya berisiko tinggi untuk menyebarkan atau mendapat jangkitan COVID-19.

Berikut merupakan aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan **pada ME ke-45 dan ME ke-46** :

- Sejumlah **373** kompaun telah dikeluarkan kepada
 - 344 individu (**peningkatan 37 peratus**) berbanding 251 kompaun pada minggu sebelumnya; dan
 - 29 pertubuhan perbadanan;
- **66 penutupan premis (peningkatan 1.6 peratus)** telah dilaksanakan berbanding 63 penutupan minggu sebelumnya.

Tawaran Kompaun	ME-45	ME-46	Perbandingan ME ke-45/46 (%)
Individu	251	344	 37
Pertubuhan Perbadanan	29	29	 -
Penutupan Premis	63	66	 1.6

Jadual 4 Jumlah tawaran kompaun yang dikeluarkan oleh KKM bagi individu dan pertubuhan perbadanan serta jumlah penutupan premis pada ME ke-45 dan ME ke-46.

Jenis Kesalahan	ME-45	ME-46	Perbandingan ME ke-45/46 (%)
Gagal memakai pelitup muka	29	56	 93
Gagal mengamalkan penjarakan fizikal	2	19	 850
Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri	0	2	 200
Pemilik premis tidak menyediakan peralatan suhu atau peralatan saringan suhu tidak berfungsi	3	1	 - 66.7
Individu gagal menggunakan aplikasi mysejahtera atau mencatatkan nama dan no telefon sebelum memasuki premis	128	233	 82
Lain-lain kesalahan di bawah Akta 342 dan Peraturan- Peraturan di Bawahnya	118	62	 - 47.5

Jadual 5 Jumlah Tawaran Kompaun Berdasarkan Jenis Kesalahan Secara Individu Dan Pertubuhan Perbadanan

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang

diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

22 November 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 21 NOVEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.13
KELANTAN	1.07
SELANGOR	1.07
WP KUALA LUMPUR	1.06
NEGERI SEMBILAN	1.06
PAHANG	1.05
JOHOR	1.04
KEDAH	1.02
PULAU PINANG	1.02
PERAK	1.01
TERENGGANU	1.01
MELAKA	1.00
SABAH	0.99
SARAWAK	0.84
WP LABUAN	0
PERLIS	0
MALAYSIA	1.00